



NOTIS PERKAPALAN MALAYSIA
MALAYSIA SHIPPING NOTICE

NPM 9/1999

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.
Tel: 03-3686616 Fax: 03-3685289 E-mail: kpgr@marine.gov.my
<http://www.marine.gov.my>

**PENGGANTIAN PERMIT BERKHIDMAT DENGAN PERAKUAN
PENGIKTIRAFAN KEPADA BUKAN PEMEGANG PERAKUAN
MALAYSIA DI ATAS KAPAL MALAYSIA**
*REPLACEMENT OF PERMIT TO SERVE BY CERTIFICATE OF
RECOGNITION FOR NON-MALYSIAN CERTIFICATE HOLDERS SERVING
ON MALAYSIAN SHIPS.*

**Notis kepada Pemilik Kapal, Pengendali Kapal, Pengurus Kapal, Nakhoda dan Pegawai
Di atas Kapal Malaysia.**

Notice to Owners, Operators, Managers, Masters and Officers of Malaysian Ships.

**Dengan ini dimaklumkan bahawa Notis Perkapalan Saudagar No. 9/94 adalah
dibatalkan.**

Merchant Shipping Notice No. 9/94 is hereby repealed.

Ringkasan

Notis ini menghuraikan penggantian Permit Berkhidmat dengan Perakuan Pengiktirafan yang akan membolehkan pegawai-pegawai yang memegang sijil-sijil STCW yang telah dikeluarkan oleh beberapa negara selain dari Malaysia untuk bekerja sebagai pegawai-pegawai di atas kapal-kapal berdaftar di Malaysia. Notis ini menerangkan sesiapa yang layak mendapatkan Perakuan Pengiktirafan, bagaimana cara memohon, prosedur yang perlu diikuti dan bagaimana prosedur ini boleh sesuai dengan cara yang sedia ada untuk memperolehi Permit Berkhidmat. Perakuan ini boleh dimohon selepas 1 Sept. 1999.

Summary

This Notice describes the replacement of the Permit to Serve (PTS) with a Certificate of Recognition, which will enable officers holding STCW certificates issued by certain countries other than Malaysia to work as officers on Malaysia registered ships. This Notice explains who qualifies for the issue of a Certificate of Recognition, how to apply for it, what procedure has to be followed in order to obtain it. The certificate may be applied for after 1 Sept. 1999.

**KEPERLUAN-KEPERLUAN MASA
LEPAS**

1. Pada masa lepas, untuk bekerja sebagai pegawai bagi pelbagai pangkat di atas kapal-kapal Malaysia memerlukan pemegang memiliki satu Perakuan kompetensi (PK) bukan dari Kerajaan

PREVIOUS REQUIREMENTS

1. *Previously, in order to work in various officer capacities on Malaysian ships, it is necessary for a certificate holder holding a certificate of competency (CoC) not issued by the Malaysian Government to be issued*

Malaysia dikeluarkan Permit Berkhidmat. Keperluan ini dikawal oleh Kaedah-Kaedah (Keanggotaan) Perkapalan Dagang 1994. Prosedur-prosedur untuk membuat permohonan dan pengeluaran Permit Berkhidmat dibuat dibawah Notis Perkapalan Saudagar No. 9/94.

SIJIL-SIJIL BARU

2. Kaedah-kaedah di atas sekarang telah digantikan dengan Kaedah-Kaedah (Latihan dan Persijilan) Perkapalan Dagang 1999 untuk membolehkan pegawai-pegawai yang memegang sijil-sijil STCW yang dikeluarkan dari sesetengah Kerajaan untuk belayar didalam sebarang pangkat di atas kapal Malaysia yang tertentu. Sekarang ini SK dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang memenuhi keperluan-keperluan oleh Malaysia tanpa mengira sebarang kewarganegaraan. Jabatan Laut (JL) sangat berminat untuk menggalakkan calon-calon dari semua warganegara untuk mendapatkan PK Malaysia.

PERAKUAN PENGIKTIRAFAN (PP)

3. Satu dokumen baru telah diperkenalkan untuk menggantikan Permit Berkhidmat yang diamalkan dibawah kaedah-kaedah yang lepas dan ianya sekarang dikenali sebagai Perakuan Pengiktirafan (PP). PP akan dikeluarkan kepada permohon dari pegawai-pegawai yang memegang sijil-sijil STCW yang dikeluarkan oleh Kerajaan-Kerajaan luar tertakluk kepada ketiadaan perbezaan ketara di antara set piawaian Kerajaan Malaysia dan sijil-sijil selain dari yang dikemukakan. PP akan mempunyai hak dan kewajiban yang sama sebagai PK, dan PK itu akan memerlukan pengesahan semula secara berkala dan pemegang-pemegangnya akan tertakluk kepada prosedur-prosedur wajib berkaitan dengan tingkahlaku mereka. PK akan terus menjadi sah sahaja selagi sijil STCW masih sah. Untuk faedah inspektor-inspektor *Port State Control* dan untuk majikan-majikan, PK STCW perlu selalu dibawa bersama-sama dengan PP.
4. Majikan-majikan perlu menerima PP yang sah sebagai memenuhi kewajiban mereka dibawah Kaedah-Kaedah Persijilan dan untuk Dokumen Keanggotaan Selamat atau

with Permit to Serve (PTS). This requirement was regulated by the Merchant Shipping (Manning) Rules, 1994. The procedures for the application and issuance of the Permit to Serve (PTS) was made under Merchant Shipping Notice No. 9/94.

NEW CERTIFICATES

2. *The above Rules have now been superseded by the Merchant Shipping (Training and Certification) Rules 1999, to enable officers who hold STCW certificates issued by certain other governments to sail in any position on certain Malaysian ships. CoCs are now issued to applicants who meet the Malaysian requirements regardless of their nationality. Marine Department (MD) is keen to encourage candidates of all nationalities to obtain a Malaysian CoC.*

CERTIFICATE OF RECOGNITION (COR)

3. *A new document has been introduced which replaces the Permit to Serve (PTS) that was used under the previous Rules and is known as Certificate of Recognition (COR). The COR will be issued, on application, to officers holding STCW certificates issued by foreign governments subject to that there are no substantial differences between the standard set by the Malaysian Government and that represented by other certificates. The COR will carry identical rights and obligations as a CoC and, like the CoC, it will require periodic revalidation and holders will be subject to statutory procedures relating to their conduct. A COR will remain valid only as long as the STCW certificate remains valid. For the benefit of Port State Control inspectors and for employers, the STCW certificate of competency must always be carried with the COR.*
4. *Employers can treat a valid COR as meeting their obligations under the certification rules and for Safe Manning Documents or Manning Certificates in*

Perakuan Keanggotaan secara yang sama mereka menerima PK buat masa sekarang.

exactly the same way as they have accepted CoCs to date.

PEMEGANG PERMIT UNTUK BERKHIDMAT SEDIA ADA

EXISTING HOLDERS OF PTS

5. Semua pemegang-pemegang bukan sijil Malaysia yang telah dan sedang bekerja di atas kapal Malaysia dan juga pemegang Permit Berkhidmat dengan ini diberi satu perubahan istimewa semasa peralihan ini bagi membolehkan semua pegawai-pegawai meneruskan perkhidmatan mereka sehingga tamat tempoh sahlaku Permit Berkhidmat dan menggantikan Permit Berkhidmat dengan PP. Penyesuaian istimewa untuk peralihan ini akan hanya untuk tempoh sah laku Permit Berkhidmat yang sedia ada sahaja .

5. *All holders of non-Malaysian certificates, that are already working on Malaysian ships and are holders of PTS, are hereby given special transitional arrangement which enable these officers to continue in employment and to replace the PTS with a COR. This special arrangement will be only for the period of validity of the existing PTS.*

PENGUBAHAN PERMOHONAN

APPLICATION ARRANGEMENTS

6. Jabatan Laut (JL) akan memastikan semua pemohon untuk mendapatkan PP mempunyai kelayakan yang sama dengan pemegang-pemegang PK Malaysia. Untuk melaksanakan perkara ini, pihak Jabatan akan menimbang piawaian-piawaian dalam pendidikan dan latihan yang mewakili sijil STCW pemohon-pemohon dan ianya tidak mempunyai perbezaan penting sebelum PP dikeluarkan. JL tidak akan mengeluarkan PP sekiranya mempunyai perbezaan yang ketara.

6. *The MD will ensure that applicants for CORs are qualified to the same standards as holders of Malaysian CoCs. To do this the Department will consider the standards of education and training represented by the applicant's STCW certificate and where there is no significant difference it will issue a COR. However where the MD judges that a difference in standard does exist, the Marine Department will not issue the COR.*

Pengarah Laut
Director of Marine

Tarikh/Date: 16 August, 1999.